

Bab 3

Kata Pinjaman

Nota Pantas

- Bahasa Melayu telah meminjam kata-kata dari bahasa Sanskrit, bahasa Tamil, bahasa Portugis, bahasa Belanda, sesetengah loghat Cina, bahasa Arab (khususnya dalam banyak istilah keagamaan), dan bahasa Inggeris (khususnya banyak istilah saintifik dan teknologi).
- Contoh kata pinjaman daripada bahasa Arab:
abjad, Ahad, ahli, Allah, askar, ayat, baki, baligh, dakwah, darab, darjah, doa, dunia, ehwal, falak, falsafah, fitnah, had, hadis, haji, hal, halal, haram, hisab, huruf, ibadat, ilmu, Isnin, jawab, kaedah, kamus, kisah, kitab, korban, maaf, madrasah, majalah, makmal, maktab, masjid, mufli, miskin, nabi, Quran, rahmat, Ramadan, rasa, rasul, riwayat, rukun, sabun
- Contoh kata pinjaman daripada bahasa Sanskrit:
agama, aksara, angkasa, bahasa, bahaya, bangsa, bayu, biara, bidadari, bumi, cendana, delima, denda, desa, dewi, dirgahayu, duka, erti, gajah, guru, hasta, hina, hisab, istana, kepala, kuda, maha, manusia, merdu, mula, nama, negara, neraka, nila, nilam, nobat, pahala, perkasa, perpustakaan, Perdana Menteri, roti, rupa, topi, singa, suria, tali, topi, unta, utara, warna, warta
- Contoh kata pinjaman daripada bahasa Portugis:
almari, baldi, bangku, bendera, biola, bomba, boneka, bola, dekan, gereja, keju, kemeja, kereta, kertas, limau, meja, mentega, minggu, nanas, paderi, pesta, pita, renda, roda, sekolah, sepatu, soldadu, tangki, tempoh, tuala, tukar
- Contoh kata pinjaman daripada bahasa Inggeris:
ambulans, analisis, bas, biskut, blok, buku, garaj, garpu, imaginasi, jendela, kalendar, kaunter, kelas, klinik, komputer, kreatif, maksimum, mangga, mekanisme, mesej, realiti, sains, skrip, sistem, teknologi, teks, televisyen
- Contoh kata pinjaman daripada bahasa Parsi:
anggur, badam, bahari, baju, bandar, beriani, bina, bius, cogan, destar, firdaus, firman, gandum, geram, gusti, istana, jam, johan,

- juadah, kahwin, kapur, laksa, lawak, medan, nakhoda, nobat, pasar, pelana, perca, pesona, piala, pinggan, saudagar, serban, seluar, sudah*
- Contoh kata pinjaman daripada bahasa Cina:
banci, bangsal, beca, bihun, cawan, cincau, cukup, dacing, jong, kekwa, kongsi, kuaci, kucai, kuih, lai, laici, lobak, loceng, longkang, mi, pau, sampan, sempoa, tahl, tauhu, tauge, tauke, teh, teko, tocang, tekong, tokong
 - Contoh kata pinjaman daripada bahasa Belanda:
rokok, bor, dam, dansa, duit, engsel, geladak, kamar, kantor, laci, ongkos, pelekat, senapang
 - Contoh kata pinjaman daripada bahasa Jawa:
aji, ancam, andai, anggap, ayu, bagus, batik, beres, cerdas, dingin, enak, enteng, gusti, intip, jaguh, kejam, kesal, ketara, kodok, lakon, lucu, mendung, nyaman, obor, oleh-oleh, omong, pamer, penting, ratu, sepi, warung, wayang
 - Bahasa Melayu telah menerima sembilan konsonan pinjaman bagi melengkapkan keperluan semasa kerana 18 konsonan asli bahasa Melayu sedia ada, iaitu **p, b, t, d, k, g, c, j, m, n, ny, ng, s, h, r, l, w**, dan **y** masih belum berupaya untuk menampung kemasukan kata pinjaman dari segi proses pengejaan.
 - Contoh kesalahan ejaan kata pinjaman

Ejaan yang Salah	Ejaan yang Betul
anah	aneh
awit	awet
calun	calon
jeket	jaket
keset	kaset
lakun	lakon
lapur	lapor
panil	panel
pamiran	pameran
pelusuk	pelosok
perabut	perabot
stesyen	stesen
teknoloji	teknologi
tulin	tulen

Praktis Pengukuhan 1

Dalam senarai perkataan berikut terdapat ejaan yang salah dan ejaan yang betul. Tandakan (✓) pada ejaan yang betul.

- | | | | |
|--------------|-----|-----------|-----|
| 1 hadir | () | hadhir | () |
| 2 kilometer | () | kilometer | () |
| 3 telefon | () | telefon | () |
| 4 atom | () | atum | () |
| 5 silender | () | silinder | () |
| 6 fisiologi | () | fisioloji | () |
| 7 stadiyum | () | stadium | () |
| 8 ketuhar | () | ketuha | () |
| 9 repablik | () | republik | () |
| 10 kontinjen | () | kontingen | () |

Praktis Pengukuhan 2

Pilih kata yang betul untuk mengisi tempat kosong.

- 1 Encik Mahadi telah menceburkan diri dalam perniagaan _____ sejak 20 tahun yang lalu. (tekstail, tekstil)
- 2 _____ kemasukan pelajar baharu ke universiti awam masih kekal seperti tahun sebelumnya. (Kuota, Kouta)
- 3 Para pekerja di kilang itu sibuk memasukkan _____ ke dalam bungkusan untuk diedarkan kepada pelanggan. (katelog, katalog)
- 4 Anak Encik Yahya yang belajar di universiti itu mengambil bidang _____. (psikologi, psaikologi)
- 5 Para peserta program itu perlu bertutur dalam _____ ibunda masing-masing bagi dipertontonkan kepada umum. (dialek, dailek)
- 6 Ibu bapa digalakkan supaya membawa anak mereka mendapatkan suntikan _____ bagi menjamin kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang. (veksin, vaksin)
- 7 Pertandingan itu dianjurkan _____ untuk golongan kanak-kanak dan remaja. (khusus, husus)
- 8 Individu yang mengamalkan gaya hidup sihat amat menitikberatkan jumlah _____ yang diambil dalam masa sehari. (kelori, kalori)
- 9 Penduduk yang tinggal berhampiran pesisir pantai dinasihatkan supaya bersiap sedia menghadapi perubahan angin _____ yang dijangka tiba tidak lama lagi. (monson, monsun)
- 10 Persembahan _____ itu dipersembahkan oleh kanak-kanak sindrom down. (teater, tiater)

Praktis 1

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Puan Marini memilih baju kurung yang bercorak abstrak untuk digayakan pada majlis makan malam syarikatnya.

- (ii) Pertandingan Kuiz Kenegaraan itu akan diadakan di Auditorium Seri Perdana.

- (iii) Makanan yang kaya dengan protin amat diperlukan oleh tubuh.

- (iv) Pemandu taksi itu menurunkan seorang penumpang lelaki di hadapan Masjid Negara.

- (v) Penulis novel yang terkenal itu baharu sahaja menghadiri majlis ramah mesra bersama peminat.

Praktis 2

Dalam petikan di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Kita memerlukan pelbagai jenis makanan untuk hidup sihat. Makanan seimbang boleh dibahagikan kepada empat kategori, iaitu karbohidrat, protein, vitamin, dan lemak. Makanan yang mempunyai karbohidrat boleh memberi tenaga kepada kita agar dapat melakukan aktiviti harian. Makanan tersebut ialah nasi, roti, mi, dan kentang.

Bagi kanak-kanak pula, mereka memerlukan protein seperti ayam, daging, ikan, telur, serta minum susu dalam kuantiti yang banyak. Hal ini demikian kerana makanan tersebut penting untuk tumbesaran mereka. Namun begitu, jangan lupakan buah-buahan dan sayur-sayuran.

(i)

(ii)

(iii)

Praktis 3

Dalam petikan di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Sejak kebelakangan ini lapisan ozon yang melindungi bumi kita ini semakin nipis, terutamanya di bahagian kutub. Hal ini demikian kerana pembebasan klorofluorokarbon (CFC) yang tidak terkawal. Akhirnya, sinar ultraungu matahari semakin banyak menembusi lapisan ozon.

Keadaan ini menyebabkan banjir berlaku kerana bongkah-bongkah ais di bahagian kutub cair sedikit demi sedikit menyebabkan paras air laut semakin meningkat. Keadaan ini menjadi bertambah buruk apabila gas-gas beracun dilepaskan ke atmosfera oleh loji kuasa, kilang-kilang, dan kenderaan. Gas karbon dioksida juga dihasilkan oleh pembakaran arang, minyak, dan gas.

(i)

(ii)

(iii)

Praktis 4

Dalam dialog di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin dialog itu semula.

Fatin : Iman, boleh kamu terangkan peranan matahari dalam kehidupan ini?

Iman : Matahari merupakan sumber tenaga yang utama kepada manusia, haiwan, dan tumbuh-tumbuhan. Cahaya matahari banyak kegunaannya.

Fatin : Bagaimanakah cahaya tersebut berfungsi?

Iman : Cahaya matahari membolehkan tumbuh-tumbuhan menghasilkan makanan melalui proses fotosintesis. Semasa proses ini, gas oksigen akan dibebaskan oleh tumbuh-tumbuhan.

Fatin : Gas oksigen? Apakah pula peranan gas itu?

Iman : Gas inilah yang kita dan haiwan gunakan ketika bernapas.

Fatin : Oh, begitu! Sekarang barulah saya faham.

Iman : Ada lagi, Fatin. Cahaya matahari yang panas pula menghasilkan haba yang berfungsi mengeringkan pakaian.

(i)

(ii)

(iii)